

**PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.03.2016**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah "investment bank" yang menguruskan baki pelaburan 1MDB di Cayman Islands sebanyak US\$940 juta berbentuk "unit"sekarang. Adakah pelaburan ini dijamin oleh Syarikat British Virgin Islands, "Aabar Investment PJS Limited", atau syarikat Abu Dhabi, "Aabar Investment PJS".

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pelaburan 1MDB adalah melalui dana yang didaftarkan di Kepulauan Cayman, tiada bank pelaburan atau *investment bank* (dengan izin) yang pernah atau masih menguruskan baki pelaburan 1MDB di dalam dana tersebut. Baki pelaburan unit tersebut telah ditetapkan atau *designated* (dengan izin) untuk *debt for asset swap* (dengan izin) bersama IPIC, iaitu sebahagian daripada Pelan Rasionalisasi 1MDB.